

Pas sedia bantu banteras ancaman komunis

PULAU PINANG, Ahad — Yang Dipertua Agung Pas, Haji Yusof Rawa menggesa kerajaan supaya memberi kemudahan secara jujur kepada parti itu untuk mengambil bahagian yang aktif dalam usaha kerajaan membanteras ancaman komunis.

Haji Yusof berkata, "Wajarliah Pas diberi peluang dan kemudahan secara jujur untuk tujuan itu."

Haji Yusof menjelaskan demikian sebagai menjawab cabaran yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam baru-baru ini.

Menentang

Haji Yusof berkata, beliau pernah menyuarakan sikap tegas ini dalam muktamar agung Pas yang lalu.

Dalam muktamar itu, katanya, beliau menyarankan bahawa Pas dengan penuh kesedaran bersedia untuk mengambil bahagian secara aktif dalam usaha membina ketahanan nasional, memelihara keamanan dan kedaulatan negara.

Menyentuh bidang pembangunan, Haji Yusof berkata Pas sekali-sekali tidak anti pembangunan seperti yang didakwa.

Katanya, "Pemimpin-pemimpin parti lawan yang mendakwa demikian adalah orang-orang yang tidak faham akan ajaran Islam yang sebenarnya."

Haji Yusof berkata, Pas akan terus berusaha ke arah mengukuhkan kesedaran rakyat terhadap kebenaran dan mengukuhkan pegangan mereka kepada akidah Islam.

Haji Yusof menambah, Pas akan tetap menentang sebarang bentuk pembangunan yang berlawanan dengan ajaran Islam.

Pendirian Pas ini, menurutnya pernah ditegaskan dalam Parlimen.